

PERPADUAN DEMI KEADILAN IKLIM

Greenpeace Malaysia memperjuangkan untuk DUN yang mementingkan alam sekitar dan iklim dalam pilihan raya akan datang.

Kuala Lumpur, Malaysia, 17 Julai 2023 - Greenpeace Malaysia melintasi enam dewan undangan negeri dengan sepanduk '#Undiklim', mendesak parti politik menamakan calon yang boleh mewakili negeri dengan tuntutan untuk mengurangkan pencemaran plastik, memelihara udara bersih, melindungi alam semulajadi, dan meningkatkan tenaga boleh diperbaharui di DUN. Rakyat Malaysia berhak mengundi calon yang mementingkan alam sekitar dan krisis iklim pada hari pengundian.

Cabarannya ialah sistem sedia ada membolehkan pertumbuhan ekonomi tanpa had dan peraturan sepadan yang akhirnya menjadi sumber besar ketidakadilan iklim dan alam sekitar, serta eksploitasi dan mengancam komuniti yang terdedah, kepelbagaian biodiversiti, kemerosotan kualiti alam sekitar, kesihatan dan ekonomi kita. Di Malaysia, kerajaan negeri memainkan peranan penting dalam penggunaan tanah, dasar tanah, serta pembinaan, perancangan dan pentadbiran persekitaran. Oleh sebab itu, kebanyakan isu alam sekitar boleh dan harus ditangani di peringkat negeri dan tempatan. Pilihan raya untuk enam negeri yang akan datang memberi peluang penting kepada orang ramai untuk membuat perubahan melalui undi mereka.

PENCEMARAN PLASTIK

Pencemaran plastik terus menjadi isu krisis iklim yang ketara dan masalah sisa toksik kepada alam sekitar kita dengan mencemarkan sungai dan ekosistem, memudaratkan hidupan marin di Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Selangor dan Negeri Sembilan. Plastik mengandungi dan boleh larut lesap keluar sebanyak [13,000 bahan kimia berbahaya, yang mana penyelidik mengatakan sekurang-kurangnya 3,200 daripadanya adalah bahan kimia yang membimbangkan](#) [1]. Selain bahan kimia berbahaya, mikroplastik mengancam kesihatan kita dengan anggaran 78,000 dan 204,000 zarah mikroplastik masuk ke dalam badan manusia setiap tahun, berdasarkan kajian pada tahun 2019 [2]. Manakala proses penghasilan plastik mempunyai kesan kepada iklim yang ketara, daripada pengekstrakan, pengedaran dan pelupusan. Kitaran semula secara amnya boleh berkesan untuk menuntut semula sumber bahan semula jadi, tetapi bukan untuk bahan plastik. Masalah kitaran semula plastik bukan terletak pada konsep ataupun proses, tetapi pada [bahan itu sendiri](#) [3]. Kerajaan negeri harus mengiktiraf isu sisa plastik toksik dan mengamalkan prinsip mengurangkan, mengguna semula dan mengisi semula untuk menghentikan pencemaran plastik.

UDARA BERSIH

Isu-isu hutan terus timbul semasa rakyat Malaysia dijangka mengalami jerebu yang lebih teruk akibat fenomena El Nino, manakala dunia mencatatkan hari terpanasnya buat kali ketiga dalam tempoh seminggu pada awal Julai ini. Menurut Global Forest Watch, amaran kebakaran memuncak pada 10 April dengan 373 amaran, [Kelantan mengalami kebakaran gambut](#) [4] akibat gelombang haba, memburukkan lagi risiko bencana perubahan iklim. Manakala sejumlah [6,634 amaran kebakaran](#) [5] dialami antara Julai 2020 dan Julai 2023. Selain itu, kebakaran tanah gambut dan hutan seperti ini akibat daripada kemusnahan hutan dan tanah gambut memburukkan lagi pencemaran udara persekitaran dan kesihatan manusia, yang pada tahun 2019 dianggarkan menelan belanja Malaysia sebanyak [RM 303 bilion setahun](#) [6]— atau 20% daripada KDNK negara. Selain memelihara tanah gambut dan melindungi litupan hutannya, kerajaan negeri harus memastikan komitmen mereka untuk mengiktiraf hak udara bersih sebagai hak asasi manusia. Dalam proses membuat keputusan, semua agensi negeri harus sentiasa mempertimbangkan kesannya terhadap kualiti udara.

BIODIVERSITI

Banyak negeri menghadapi kehilangan biodiversiti akibat projek pembangunan dan pertanian besar-besaran yang menjejaskan hutan dan lautan, antara lainnya. Kebimbangan terhadap hutan telah dibangkitkan mengenai pertanian monokultur, pembangunan yang tidak perlu dan projek kuasa hidro mega, serta pembalakan yang sah dan haram. Menurut [Global Forest Watch](#) [7], terdapat 606,927 amaran penebangan hutan dilaporkan di Malaysia antara 13 dan 20 Jun tahun ini (2023), meliputi sejumlah 7.45kha. Isu-isu ini membawa kepada kehilangan biodiversiti yang menimbulkan masalah tambahan seperti [konflik antara hidupan liar dengan manusia yang lebih kerap](#) [8] disebabkan oleh hutan yang diasingkan dan [kehilangan kawasan hutan yang melampau](#) [9]. Isu yang berkaitan dengan kehilangan biodiversiti marin ialah projek tebus guna tanah mega, yang menjejaskan hidupan liar marin di kawasan laut yang dicadangkan dan sekitarnya. Contoh yang paling menonjol ialah projek [penambakan pulau-pulau selatan Pulau Pinang](#) [10]. Ia juga akan menjejaskan mata pencarian nelayan dan berisiko kerosakan kekal di kawasan sensitif alam sekitar. Kerajaan negeri harus bekerjasama untuk menghentikan projek yang merosakkan alam sekitar seperti ini untuk mengekalkan dan memastikan keseimbangan antara mata pencarian rakyat dan hidupan liar di sekelilingnya berada dalam keharmonian bersama.

PERUBAHAN IKLIM & TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI

Sementara dalam bidang perubahan iklim dan tenaga, Malaysia memberi komitmen semula untuk mengurangkan keamatan karbonnya berbanding KDNK sebanyak [45% menjelang 2030 dalam COP26](#) baru-baru ini [11]. Pada Mac tahun ini, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Nik Nazmi Nik Ahmad mengumumkan kapasiti sedia ada Tenaga Boleh Diperbaharui (RE) mewakili [25% daripada jumlah campuran kuasa negara](#) [12]. Walau bagaimanapun, data terkini dalam [Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Diperbaharui Malaysia SEDA](#) [13] menunjukkan solar hanya menyumbang 4.27% daripada jumlah campuran kuasa (berdasarkan jumlah campuran kuasa 23.5% sebelumnya), walaupun Malaysia telah terbukti kedudukannya sebagai salah satu pengeksport utama dunia untuk panel solar. Kerajaan Negeri boleh bekerjasama secara langsung dengan

Kerajaan Persekutuan untuk menguatkuasakan penggunaan teknologi fotovoltaik serta menyediakan lebih banyak insentif untuk pengguna panel solar atau pengguna RE dalam mempromosikan penggunaan PV solar. Ini sejajar dengan objektif Kerajaan Persekutuan dalam menyediakan peralihan tenaga yang mampan dan saksama, dan secara tidak langsung meningkatkan peratusan kapasiti tenaga solar negara.

Thing Siew Shuen, Pengurus Kanan Program, Greenpeace Malaysia berkata:

“Rakyat Malaysia berhak untuk hidup dalam alam sekitar selamat, bersih, sihat dan mampan yang diperjuangkan oleh wakil rakyat yang mementingkan alam sekitar, isu perubahan iklim dan mengutamakan kesejahteraan rakyat dan bumi kita lebih penting lagi dari matlamat yang didorong oleh keuntungan semata-mata. Penyelesaian sebenar sudah wujud, iaitu melindungi dan memulihkan persekitaran semula jadi kita yang sedia ada, mengurangkan pengeluaran dan penggunaan plastik yang tidak diperlukan, sambil beralih kepada tenaga boleh diperbaharui solar.”

“Isu seperti penebangan hutan untuk perubahan guna tanah dan amalan tidak mampan, kebakaran hutan dan tanah gambut, serta pencemaran plastik, memburukkan lagi bencana perubahan iklim seperti banjir dan kemarau; mengancam kesihatan dan ekonomi kita dengan memacu kehilangan biodiversiti dan kemerosotan alam sekitar. Sebagai manusia, kita telah mengambil banyak daripada alam semula jadi, bolehkah kita meninggalkan sedikit ruang untuk spesies atau haiwan lain? ”

“Greenpeace Malaysia menyeru rakyat untuk #Undiklim, menuntut keadilan iklim dengan mengundi Ahli Dewan Undangan Negeri yang mengutamakan keadilan iklim dan komited terhadap ketelusan data sambil melaksanakan dasar alam sekitar yang berkesan. Kami memerlukan wakil negeri yang akan menyuarakan isu-isu alam sekitar seperti ini ke barisan hadapan di peringkat negeri dengan mendesak Akta Perubahan Iklim, Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan atau Akta Udara Bersih dan menyemak semula Akta Kualiti Alam Sekitar 1974.”

-ENDS-

Hubungan media untuk butir-butiran tambahan atau gambar:

Yvonne Nathan, Greenpeace Malaysia Digital and Media Campaigner | yvonne.nathan@greenpeace.org | +6017-6628306

Notes:

[1]<https://www.unep.org/resources/report/chemicals-plastics-technical-report>

[2]Human Consumption of Microplastics, Cox et. al

[3]<https://www.theatlantic.com/science/archive/2022/01/plastic-history-climate-change/621033/>

[4]<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1093015/kebakaran-tanah-gambut-di-b-eris-lalang-hampir-pulih>

[5]<https://www.globalforestwatch.org/dashboards/country/MYS/>

- [6]<https://www.greenpeace.org/malaysia/press/49795/the-state-of-air-quality-in-malaysia/>
- [7]<https://www.globalforestwatch.org/dashboards/country/MYS/>
- [8]<https://www.thestar.com.my/news/2022/01/17/drone-footage-shows-logging-at-tiger-habitat-near-orang-asli-village-claims-activist>
- [9]<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/04/27/minister-92-tapirs-ended-up-as-roadkill-over-last-five-years/1969779>
- [10]<https://www.nst.com.my/property/2023/06/923286/penang-south-islands-reclamation-work-starts-july-1>
- [11]https://unfccc.int/sites/default/files/resource/MALAYSIA_cop26cmp16cma3_HLS_EN.pdf
- [12]<https://www.nst.com.my/news/nation/2023/03/890899/malaysias-renewable-energy-supply-now-25pct-right-track-achieve-2025>
- [13]https://www.seda.gov.my/reportal/wp-content/uploads/2021/12/MyRER_webVer-1.pdf